

Keterangan :

Mempunyai jalur berbentuk separuh bulan 4 warna iaitu kuning, biru laut, biru tua dan hijau dan cermin mulut (*mouth mirror*).

Makna

- 2.1 Warna kuning melambangkan keagungan perkhidmatan pergigian.
 - 2.2 Warna biru laut melambangkan kedamaian, ketenangan dalam merealisasikan pertubuhan Persatuan
 - 2.3 Biru tua melambangkan penglibatan usaha secara langsung Juruterapi Pergigian dalam Persatuan.
 - 2.4 Warna hijau – melambangkan sebuah tabung kebajikan yang akan diamalkan dalam Persatuan.
 - 2.5 Warna putih di antara jalur melambangkan kesucian dan keikhlasan hati anggota pergigian mendukung tanggungjawab dan amanah Persatuan.
 - 2.6 Cermin mulut (*mouth mirror*) – sebagai satu simbolik bagi sains dan teknologi yang merupakan teras perkhidmatan pergigian
 - 2.7 Jalur berbentuk separuh bulan adalah melambangkan perlindungan ke atas ahli-ahli di dalam Persatuan.
3. Lencana
- Tiada

Keterangan :

- Tiada



UNDANG – UNDANG BAGI PERSATUAN JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA

Tarikh Sijil Pendaftaran : 28 Mei 2004

Nombor Pendaftaran : 0973-04-3

Pindaan Undang-undang Bertarikh : 30 November 2021

FASAL 23 **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera
- Tiada

Keterangan :
Tiada

2. Lambang



Persatuan Juruterapi Pergigian mempunyai lambang yang mencerminkan matlamat-matlamat seperti berikut:

FASAL 22 LARANGAN

- 22.1 Permainan yang berunsurkan perjudian adalah dilarang di pejabat persatuan.
- 22.2 Persatuan atau ahli-ahlinya tidak harus mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definasi dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
- 22.3 Persatuan atau ahli-ahlinya dilarang membuat kenyataan berunsur fitnah atau hasutan yang boleh mencemarkan nama baik Persatuan.
- 22.4 Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- 22.5 "Faedah" seperti yang ditafsirkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966 tidak boleh diberi oleh Persatuan kepada mana mana ahlinya.
- 22.6 Ahli-ahli Persatuan tidak boleh mengeluarkan sebarang dokumen atau surat pekeliling tentang Persatuan tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Pusat.
- 22.7 Ahli-ahli Persatuan tidak boleh mendedahkan sebarang hal tentang Persatuan kepada orang yang bukan ahli atau kepada pertubuhan lain atau kepada pihak akhbar tanpa mendapat keizinan Jawatankuasa Pusat.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

FASAL 1	NAMA	5
FASAL 2	TEMPAT URUSAN	5-6
FASAL 3	TUJUAN/MATLAMAT	6-7
FASAL 4	KEAHLIAN	7-8
FASAL 5	PEMBERHENTIAN & PEMECATAN AHLI	8
FASAL 6	SUMBER KEWANGAN	9-10
FASAL 7	MESYUARAT PERWAKILAN	10 - 14
FASAL 8	JAWATANKUASA PUSAT	14 - 17
FASAL 9	KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI	17-18
FASAL 10	KEWANGAN	19-22
FASAL 11	JURUAUDIT	22
FASAL 12	PENTADBIR HARTA	22-23
FASAL 13	PEMBUBARAN	23
FASAL 14	PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN -CAWANGAN	24-25
FASAL 15	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN	26-28
FASAL 16	JAWATANKUASA CAWANGAN	29
FASAL 17	TUGAS-TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN	30-31
FASAL 18	KEWANGAN CAWANGAN	31-32
FASAL 19	PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM MENGENAI CAWANGAN	32
FASAL 20	PINDAAN PERLEMBAGAAN	33
FASAL 21	TAFSIRAN PERLEMBAGAAN	33
FASAL 22	LARANGAN	33-34
FASAL 23	BENDERA,LAMBANG,LENCANA	34-35

FASAL 19 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM MENGENAI CAWANGAN

- 19.1 Di mana peruntukan khas tiada disebut di dalam Undang-undang ini bagi perkara perkara berhubung dengan pentadbiran Cawangan-cawangan Persatuan, undang undang yang berkenaan mengenai pentadbiran Ibu Pejabat Persatuan akan diikuti sejauh mana yang sesuai.
- 19.2 Mesyuarat Perwakilan dan Jawatankuasa Pusat akan memberi arahan kepada Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Cawangan mengenai pentadbirannya.

FASAL 20 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Perwakilan. Permohonan untuk perubahan dan pindaan undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Perwakilan meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh berkuatkuasa mulai daripada tarikh perubahan dan pindaan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 21 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

- 21.1 Di antara berlangsungnya mesyuarat- mesyuarat perwakilan, Jawatankuasa Pusat boleh memberikan tafsirannya kepada Undang-undang ini dan apabila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
- 21.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Perwakilan. Keputusan Jawatankuasa Pusat terhadap ahli-ahli adalah muktamat jika tidak atau sehingga dirombak oleh keputusan Mesyuarat Perwakilan.

- 18.4 Semua wang Cawangan hendaklah disimpan di atas nama Cawangan di dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Cawangan dan kira-kira wang itu akan dikelolakan bersama-sama oleh Yang Dipertua Cawangan, Bendahari Cawangan dan Setiausaha Cawangan. Bendahari Cawangan dibenarkan menyimpan wang di dalam tangan sebanyak tidak lebih daripada RM 1000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) pada suatu masa. Perbelanjaan yang melebihi RM 1000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Cawangan. Perbelanjaan yang kurang RM 1000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) bagi suatu masa boleh diluluskan oleh Yang Dipertua Cawangan dan Bendahari Cawangan.
- 18.5 Bendahari Cawangan hendaklah menyediakan satu anggaran belanjawan tahunan dan mendapatkan kelulusan Mesyuarat Tahunan Cawangan. Belanjawan tersebut boleh disemak semula dari semasa ke semasa dengan dipersetujui oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Cawangan.
- 18.6 Semua wang, buku dan harta-harta lain Persatuan yang dipegang oleh mana- mana Cawangan yang telah dibubarkan akan dihantarkan dengan segera oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agung, bersama-sama dengan penyata kira-kira sebagaimana dinyatakan pada fasal 14.5 dan 14.6

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK BERCAWANGAN
PERSATUAN JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA**

FASAL 1 NAMA

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama
PERSATUAN JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA
Selepas ini disebut "**Pertubuhan**"
2. Takrif Nama :
PERSATUAN JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA
3. Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah
**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 5, BLOK E10, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62590 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 5, BLOK E10, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62590 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

- 3.1 Mengadakan sebuah pertubuhan yang lengkap bagi pekerja-pekerja dalam memajukan kepentingan ahli-ahlinya dalam hal kebajikan kemasyarakatan dan pengetahuan.
- 3.2 Memajukan kebajikan ahli-ahlinya dari segi kebendaan, kemasyarakatan dan pelajaran dengan cara yang sah di segi undang-undang yang difikirkan munasabah oleh Mesyuarat Agung atau Majlis Jawatankuasa Kerja.
- 3.3 Menganjurkan persidangan, latihan, kursus, dialog, seminar dan sebagainya untuk kebajikan ahli-ahli Persatuan ini.
- 3.4 Menerbit dan mengedarkan sebarang surat khabar, majalah, kertas berita atau lain-lain penerbitan untuk menjayakan tujuan-tujuan persatuan ini atau untuk faedah ahli-ahlinya.
- 3.5 Membangunkan laman sesawang atau sebarang media sosial yang bersesuaian untuk menyalurkan maklumat terkini kepada ahli.
- 3.6 Mengambil bahagian dalam bidang ekonomi untuk meningkatkan tabung persatuan.
- 3.7 Semua wang dan keuntungan yang didapati hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan Persatuan ini,

mengenai urusan kewangan cawangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya

- 17.6 Penolong Bendahari Cawangan hendaklah menolong Bendahari Cawangan menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari Cawangan.
- 17.7 Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan hendaklah membantu Jawatankuasa Cawangan menjalankan sebarang tugas yang diarah olehnya.
- 17.8 Ahli-ahli Cawangan hendaklah menjelaskan yuran bulanan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 17.9 Ahli-ahli Cawangan hendaklah hadir mesyuarat dan menyokong semua aktiviti yang dijalankan demi kemajuan Persatuan.

FASAL 18 KEWANGAN CAWANGAN

- 18.1 Semua wang yang dikutip di Ibu Pejabat dan Cawangan-cawangan Persatuan akan menjadi aset bersama Persatuan.
- 18.2 Mesyuarat Tahunan Perwakilan akan menentukan dari semasa ke semasa peratusan kadar yuran yang akan disimpan di Cawangan sebagai kumpulan wang Cawangan dan akan menetapkan jenis-jenis perbelanjaan yang akan menggunakan wang Cawangan.
- 18.3 Bendahari Cawangan hendaklah menjelaskan yuran ahli kepada Bendahari Agung sekurang-kurangnya 2 kali setahun sebelum 30 hb Jun dan sebelum 31 hb Disember tahun kewangan semasa.

FASAL 17 TUGAS-TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN

- 17.1 Yang Dipertua Cawangan dalam tempoh memegang jawatannya akan Pengerusi semua Mesyuarat Agung Cawangan dan semua Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan akan menandatangani peringatan mesyuarat beserta maklumbalas minit yang lalu setelah ianya diluluskan. Ia hendaklah menandatangani cek / notis pengeluaran wang bersamasama dengan Setiausaha dan Bendahari Cawangan.
- 17.2 Naib Yang Dipertua Cawangan akan memangku jawatan Yang Dipertua Cawangan semasa ketiadaannya
- 17.3 Setiausaha Cawangan hendaklah menjalankan kerja-kerja cawangan mengikut undang-undang dan ia hendaklah menjalankan perintah-perintah Mesyuarat Agung Cawangan dan Jawatankuasa Cawangan. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan dokumen yang berkaitan kecuali akaun dan buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Cawangan bersama-sama dengan Yang Dipertua Cawangan dan Bendahari Cawangan.
- 17.4 Penolong Setiausaha Cawangan hendaklah membantu Setiausaha Cawangan menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu dalam masa ketiadaannya.
- 17.5 Bendahari Cawangan adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan cawangan. Ia hendaklah mengurus dan menyimpan kira-kira

dan tidak sebageian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik, untuk membayar gaji atau pebelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau pekerja Persatuan.

FASAL 4 KEAHLIAN

Keanggotaan Persatuan ini terbuka kepada semua Juruterapi Pergigian di Malaysia yang mempunyai Sijil/ Diploma dari Kolej Latihan Pergigian Malaysia Pulau Pinang atau setaraf dengannya.

- 4.1 Seseorang yang belum mencapai umur 21 tahun tidak boleh menjadi pegawai atau Pemegang Amanah Persatuan.
- 4.2 Permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dicadang dan disokong oleh 2 orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Cawangan. Beliau hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Pusat untuk diluluskan. Jawatankuasa Cawangan boleh mengikut budibicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya. Permohonan menjadi ahli bagi tempat di mana cawangan belum ditubuhkan, hendaklah diuruskan mengikut kaedah yang sama oleh Setiausaha Agung dan Jawatankuasa Pusat.
- 4.3 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti tersebut di atas hendaklah, setelah membayar yuran pendaftaran dan yuran pertama yang ditetapkan diterima menjadi ahli

pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli dan hendaklah diberikan senaskah buku Peraturan-Peraturan Persatuan dengan percuma.

- 4.4 Ahli yang telah bersara dibenarkan terus menjadi ahli seumur hidup. Mereka dibenarkan mengundi dan memegang jawatan.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 5.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan bertulis 2 minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Cawangan dan menjelaskan segala hutangnya.
- 5.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan mencemar nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagai mana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Cawangan. Sebelum Jawatankuasa Cawangan memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebabsebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung Cawangan menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

- 16.3 Tugas Jawatankuasa Cawangan ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Cawangan mengikut Undang-Undang Persatuan dan arahan-arahan Jawatankuasa Pusat dan bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun dan cukup korum jika hadir satu perdua (1/2) dari jumlah ahli-ahlinya. Setiausaha Cawangan akan memberi satu salinan minit tiap-tiap mesyuarat kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada 14 hari selepas mesyuarat itu diadakan.

- 16.4 a) Jika Yang Dipertua Cawangan/ Setiausaha Cawangan/ Bendahari Cawangan meninggal dunia atau meletak jawatan, Naib Yang Dipertua Cawangan/ Penolong Setiausaha Cawangan/ Penolong Bendahari Cawangan akan menjalankan tugas tersebut di samping tugas yang sedia ada sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan diadakan. Jika beliau menolak kekosongan itu, ahli Jawatankuasa Cawangan berhak melantik ahli berwibawa untuk menjalankan tugas tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan diadakan.

b) Jika Naib Yang Dipertua Cawangan/ Penolong Setiausaha Cawangan/ Penolong Bendahari Cawangan/ ahli Jawatankuasa Cawangan meninggal dunia atau meletak jawatan, calon kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan diadakan. Jika beliau menolak kekosongan itu, ahli Jawatankuasa Cawangan berhak melantik ahli berwibawa untuk menjalankan tugas tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan diadakan.

FASAL 16 JAWATANKUASA CAWANGAN

- 6.1 (a) Sesuatu Jawatankuasa Cawangan seperti berikut yang akan dikenali sebagai pemegang jawatan Cawangan, akan dipilih dua tahun sekali didalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan:
- Seorang Yang Dipertua Cawangan;
Seorang Naib Yang Dipertua Cawangan;
Seorang Setiausaha Cawangan;
Seorang Penolong Setiausaha Cawangan ;
Seorang Bendahari Cawangan
Seorang Penolong Bendahari Cawangan
6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan.
- (b) Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa Cawangan dan tiap-tiap pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif dalam cawangan hendaklah warganegara Malaysia.
- 16.2 Nama-nama untuk jawatan-jawatan hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dua (2) tahun sekali dengan cara mengundi sulit oleh ahli-ahli dengan menggunakan kertas undi seperti di Lampiran 'A' di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Undian juga boleh dibuat secara atas talian menggunakan kaedah terkini. Semua pegawai boleh dilantik semula setiap 2 tahun, kecuali Bendahari Cawangan dan Penolong Bendahari Cawangan boleh dilantik semula secara berterusan maksimum selama 2 penggal (4 tahun).

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

- 6.1 Bayaran pendaftaran dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:
- Bayaran pendaftaran RM 10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh sahaja) dan dibayar terus kepada Pusat
- Bayaran yuran bulanan RM 5.00 (Ringgit Malaysia : Lima sahaja) RM 2.00 kepada Pusat dan RM 3.00 kepada Cawangan.
- 6.2 Yuran ahli seumur hidup RM100.00 (Ringgit Malaysia : Seratus sahaja) dan dibayar terus kepada Pusat
- 6.3 Yuran keahlian hendaklah dijelaskan dalam tahun semasa.
- 6.4 Jika cawangan belum ditubuhkan, pembayaran hendaklah disampaikan kepada Bendahari Agung atau kepada Setiausaha Agung.
- 6.5 Ahli yang tidak menjelaskan yurannya dalam tahun semasa akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung / Setiausaha Cawangan atau wakil dan hilanglah hak-hak keistimewaan sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
- 6.6 Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada setahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Persatuan dan Jawatankuasa Pusat boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya, dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

- 6.7 Jawatankuasa Pusat mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi mereka yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- 6.8 Yuran Khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Perwakilan Persatuan. Sekiranya ada ahli yang gagal membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

FASAL 7 MESYUARAT PERWAKILAN

- 7.1 Bagi undang-undang ini, seorang "ahli terus" maknanya ialah seorang ahli Persatuan yang tidak menjadi ahli cawangan dan seorang "wakil ahli" maknanya ialah seorang wakil yang dilantik oleh ahli-ahli terus.
- 7.2 Pentadbiran Persatuan ini terserah kepada Mesyuarat Perwakilan yang terdiri daripada wakil cawangan dan wakil ahli dan ahli jawatankuasa pusat. Sebarang ahli Persatuan, dengan persetujuan Presiden boleh hadir di dalam mesyuarat perwakilan tetapi ia tidak boleh mengundi (pemerhati sahaja).
- 7.3 Wakil-wakil cawangan hendaklah dipilih setiap 2 tahun oleh cawangan masing-masing dan mereka boleh dipilih semula. Sesuatu cawangan berhak memilih seorang wakil bagi 20 ahli yang pertama atau sebahagian daripada jumlah itu dan 2 wakil lagi bagi tiap-tiap 10 ahli lebih daripada 20 ahli yang pertama, dengan syarat jumlah wakil bagi sesuatu cawangan tidak lebih daripada 13.

15.8 Suatu Mesyuarat Agung Khas Cawangan hendaklah diadakan :

- a) Atas arahan Jawatankuasa Pusat; atau
- b) Apabila Jawatankuasa Cawangan memikirkannya mustahak; atau
- c) Atas permintaan bertulis tidak kurang daripada 15 ahli cawangan dengan menyatakan tujuan dan sebab untuk mengadakan mesyuarat itu.

15.9 Mesyuarat Agung Khas Cawangan atas permintaan ahli-ahli hendaklah diadakan dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat tersebut.

15.10 Fasal 15.6 dan 15.7 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas Cawangan, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas Cawangan atas permintaan ahli-ahli tersebut, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas Cawangan atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

15.11 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada ahli-ahli dan Setiausaha Agung satu salinan Minit Mesyuarat Agung Cawangan dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

- 15.4 Pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai dan cadangan untuk perbincangan di dalam mesyuarat tersebut hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada 7 hari selepas penerimaan pemberitahuan awal mesyuarat.
- 15.5 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada ahli-ahli cawangan sekurang- kurangnya 7 hari sebelum diadakan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan, satu agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan berserta dengan penyata kira-kira cawangan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat surat ini juga boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan cawangan.
- 15.6 Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli-ahli cawangan berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli jawatankuasa cawangan, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- 15.7 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 7 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan, dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli berkuasa menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuasa membuat keputusan yang melibatkan semua ahli.

- 7.4 Wakil ahli hendaklah dipilih setiap 2 tahun oleh ahli terus dan mereka boleh dipilih semula. Seorang wakil boleh dipilih bagi 20 ahli yang pertama atau sebahagiannya dan tambahan 2 wakil bagi 10 ahli lebih daripada 20 ahli yang pertama, dengan syarat jumlah wakil ahli tidak lebih daripada 13.
- 7.5 Ahli Jawatankuasa Pusat tidak boleh dipilih menjadi wakil cawangan atau wakil ahli-ahli. Ahli Jawatankuasa Pusat dan wakil-wakil yang hadir berkuasa mengundi di dalam mesyuarat perwakilan.
- 7.6 Korum untuk mesyuarat perwakilan dianggap cukup jika jumlah wakil yang hadir adalah 2 kali ganda dari jumlah AJK.
- 7.7 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 21 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah wakil-wakil yang hadir menjalankan mesyuarat pada hari itu tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Persatuan dan membuat keputusan mengenai semua ahli.
- 7.8 Mesyuarat Tahunan Perwakilan bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada bulan Jun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.

Kerja- kerja Mesyuarat Tahunan Perwakilan ialah :-

- a). Menerima laporan Jawatankuasa Pusat berkenaan perjalanan Persatuan di dalam tahun yang lalu;
- b). Menerima laporan Bendahari Agung dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
- c). Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Pusat dan dua orang Juruaudit dua tahun sekali;
- d). Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

7.9 Notis pengumuman awal bagi Mesyuarat Perwakilan yang menyatakan tarikh, masa, tempat mesyuarat, permintaan usul-usul untuk perbincangan dalam mesyuarat itu (termasuk usul pindaan peraturan) dan penamaan calon bagi pemilihan Ahli Jawatankuasa Pusat hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agong kepda Setiausaha Cawangan untuk makluman kepada ahli, tidak lewat daripada 60 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat dan pengumuman ini hendaklah ditunjukkan supaya jelas kelihatan di tempat urusan Persatuan yang telah didaftarkan. Tiap-tiap Setiausaha Cawangan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan tidak lewat daripada 30 hari setelah menerima pengumuman awal itu.

7.10 Nama-nama wakil, pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai dan cadangan untuk dibincangkan di dalam mesyuarat hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan atau ahli-ahli secara individu supaya sampai kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada 40 hari selepas penerimaan pengumuman awal mesyuarat.

FASAL 15 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

15.1 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan akan diadakan tidak lewat daripada 30 hari selepas menerima pemberitahuan awal mengenai Mesyuarat Tahunan Perwakilan, supaya pemberitahuan mengenai masa, tarikh dan tempat Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan akan dikeluarkan dengan sewajarnya.

15.2 Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan ialah untuk :

- a) Menerima laporan Bendahari Cawangan dan Kira-kira Cawangan yang telah diaudit bagi tahun lepas.
- b) Memilih wakil-wakil Mesyuarat Perwakilan untuk tahun hadapan.
- c) Memilih Jawatankuasa Cawangan dan Juruaudit Cawangan dua tahun sekali.
- d) Membincangkan perkara-perkara lain yang akan dibentangkan.

15.3 Setiausaha Cawangan hendaklah memaklumkan kepada ahli-ahli cawangan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Pemberitahuan awal yang menyatakan tarikh, waktu, tempat mesyuarat, mengemukakan cadangan untuk perbincangan dan pencalonan untuk pemilihan pegawai cawangan.

daripada tarikh penerimaan perintah tersebut, membuat rayuan kepada Mesyuarat Perwakilan. Walaupun rayuan telah dibuat namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga dibatalkan tetapi di dalam keadaan yang sedemikian Jawatankuasa Pusat boleh melantik satu jawatankuasa penjaga daripada ahli-ahli untuk menguruskan hal ehwal cawangan itu sementara rayuan tersebut dipertimbangkan.

- 14.5 Jika sesuatu cawangan ditutup kerana sebab yang disebutkan dalam fasal 15.2(a) di atas, maka Jawatankuasa Pusat hendaklah memindahkan ahli-ahli yang ada kepada cawangan yang hampir sekali dan jika cawangan ditutup kerana sebab di dalam peraturan 15.2(b) di atas maka ahli-ahli akan terhenti menjadi ahli Persatuan.
- 14.6 Adalah menjadi kewajipan Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari bagi cawangan itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku, rekod, wang dan harta-harta lainnya yang dimiliki oleh cawangan beserta dengan penyata kunci kira-kira cawangan itu daripada tarikh akhir pengemukaan penyata kira-kira itu dibentangkan sehingga tarikh perintah pembubaran.
- 14.7 Jika ahli-ahli sesuatu cawangan memutuskan hendak keluar daripada Persatuan, maka pegawai-pegawai cawangan itu dengan serta merta mestilah menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku, rekod, wang dan harta-harta lain Persatuan dan seterusnya menyediakan dan menyerahkan penyata kira-kira kepada Setiausaha Agung seperti di dalam Fasal 14.6 di atas.

- 7.11 Setiausaha Agung, jika boleh, hendaklah mengadakan mesyuarat ahli-ahli terus tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Perwakilan, untuk melantik wakil-wakil ahli dengan syarat jika keadaan tempat yang berjauhan tidak sesuai bagi mengadakan mesyuarat, maka cara melantik wakil-wakil ahli hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pusat.
- 7.12 Setiausaha Agung hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha Cawangan tidak kurang 7 hari sebelum mesyuarat diadakan. Satu agenda mesyuarat, peringatan mesyuarat, laporan, penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit dan cadangan pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai. Setiausaha Cawangan hendaklah memanjangkan maklumat tersebut kepada ahli-ahlinya.
- 7.13 Mesyuarat Khas Perwakilan bagi Persatuan ini boleh diadakan:
 - a). Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Pusat, atau
 - b). Atas permintaan bertulis oleh ahli-ahli jawatankuasa bagi dua cawangan atau lebih atau, oleh tidak kurang daripada 20 orang ahli terus dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya.
- 7.14 Mesyuarat Khas Perwakilan yang diminta oleh cawangan-cawangan atau ahli-ahli terus hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu

- 7.15 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Khas Perwakilan itu hendaklah diedarkan kepada semua Setiausaha Cawangan oleh Setiausaha Agung sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.
- 7.16 Fasal 7.6 dan 7.7 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Tahunan Perwakilan boleh digunakan untuk Mesyuarat Khas Perwakilan, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Khas Perwakilan itu atas permintaan cawangan-cawangan, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan sekurang-kurangnya 6 bulan daripada tarikh ini. Mesyuarat Khas Perwakilan yang dipohon dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 7.17 Setiausaha Agung hendaklah mengedarkan kepada semua Setiausaha Cawangan salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Tahunan Perwakilan atau Mesyuarat Khas Perwakilan dengan seberapa segera setelah selesai mesyuarat.

FASAL 8 JAWATANKUASA PUSAT

- 8.1 a) Satu Jawatankuasa Pusat seperti berikut yang dinamakan pegawai-pegawai Persatuan hendaklah dilantik dua tahun sekali di dalam Mesyuarat Tahunan Perwakilan :
- Seorang Presiden
 - Seorang Naib Presiden
 - Seorang Setiausaha Agung
 - Seorang Penolong Setiausaha Agung
 - Seorang Bendahari Agung
 - Seorang Penolong Bendahari Agung
 - 6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

FASAL 14 PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN-CAWANGAN

- 14.1 Jawatankuasa Pusat boleh membenarkan penubuhan cawangan di kawasan yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 ahli Persatuan. Penubuhan cawangan hendaklah dibenarkan secara bertulis oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
- 14.2 Jawatankuasa Pusat boleh membubarkan cawangan :
- a) Jika bilangan ahli-ahli di dalam tempoh enam bulan berturut-turut kurang daripada 20; atau
 - b) Jika cawangan tidak mematuhi undang-undang pertubuhan atau keputusan Mesyuarat Perwakilan atau Jawatankuasa Pusat atau jika Jawatankuasa Pusat mendapatinya bersalah kerana perbuatannya mencemarkan Persatuan.
- 14.3 Keputusan membubarkan Cawangan hendaklah dengan undi terbanyak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat, dengan syarat sebelum diambil keputusan membubarkan cawangan atas sebab yang disebutkan di dalam Fasal 15.2 (b) di atas, cawangan yang berkenaan hendaklah diberi suatu notis selama 30 hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut.
- 14.4 Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Cawangan tidak boleh bergerak mulai dari tarikh penerimaan perintah tersebut kecuali untuk urusan penyelesaian. Sebarang cawangan yang musykil atas perintah pembubaran, boleh dengan kenyataan bertulis kepada Setiausaha Agung di dalam tempoh 30 hari

yang dilantik di dalam Mesyuarat Perwakilan dengan secepat mungkin. Mereka akan menyandang jawatan itu selama yang dikehendaki oleh Persatuan.

FASAL 13 PEMBUBARAN

- 13.1 Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perempat (3/4) jumlah semua wakil cawangan / ahli yang hadir di dalam suatu Mesyuarat Perwakilan yang dipanggil khas kerananya.
- 13.2 Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Perwakilan berkenaan.
- 13.3 Kenyataan mengenai pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari daripada tarikh pembubaran itu.

b) Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa Pusat dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif di dalam Persatuan ini hendaklah warganegara Malaysia.

- 8.2 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di Fasal 8.1(a) hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dua (2) tahun sekali dengan cara mengundi sulit oleh wakil-wakil cawangan / ahli dengan menggunakan kertas undi seperti di Lampiran 'A' di dalam Mesyuarat Tahunan Perwakilan. Undian juga boleh dibuat secara atas talian menggunakan kaedah terkini. Semua pegawai boleh dilantik semula setiap dua (2) tahun, kecuali Bendahari Agung dan Penolong Bendahari Agung boleh dilantik semula secara berterusan maksimum selama 2 penggal (4 tahun).
- 8.3 Fungsi Jawatankuasa Pusat ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Perwakilan. Jawatankuasa Pusat seharusnya tidak boleh mengambil tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Perwakilan dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Pusat mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Perwakilan. Jawatankuasa Pusat hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatan-kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Tahunan Perwakilan.
- 8.4 Jawatankuasa Pusat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 6 bulan dan 14 hari pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli. Presiden dengan bersendirian, atau tidak kurang daripada 3

orang ahli Jawatankuasa Pusat bersama-sama, boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

- 8.5 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Pusat dan mesyuarat tidak dapat diadakan, maka bolehlah Setiausaha Agung mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pusat secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa Pusat boleh dianggap sebagai telah diterima:-

- a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa Pusat;
- b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu;
- c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang diperolehi melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan / minit mesyuarat.

- 8.6 Ahli Jawatankuasa Pusat yang gagal menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pusat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan dianggap sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Pusat.

- 11.2 Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan dan Cawangan- Cawangan bagi setahun, dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Tahunan Perwakilan dan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Mereka juga dikehendaki bila-bila masa oleh Presiden mengaudit kira-kira Persatuan atau Cawangan- Cawangan pada bila-bila masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Pusat.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA

- 12.1 Tiga orang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Tahunan Perwakilan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Semua harta takalih yang dipunyai oleh Persatuan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).
- 12.2 Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik dan menukarkan harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Perwakilan.
- 12.3 Seseorang Pemegang Amanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Perwakilan oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang mengakibatkan ia tidak boleh menjalankan tugas-tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pemecatan seseorang Pemegang Amanah maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Pemegang Amanah yang baru

- c) Disimpan di mana-mana bank yang diperbadankan di Malaysia atau di mana-mana Syarikat Kewangan yang merupakan anak syarikat bank tersebut; atau
 - d) Dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Sumber Manusia dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh beliau bagi melabur:-
 - i) Dalam mana-mana Syarikat Kerjasama yang berdaftar; atau
 - ii) Dalam mana-mana pengusahaan perdagangan, perindustrian, pertanian atau enterprise bank yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia.
- 10.9 Semua belian dan pelaburan di bawah peraturan ini hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Kerja dan dibuat atas nama Pemegang-pemegang Amanah Persatuan. Kelulusan ini hendaklah disahkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Pemegang-pemegang Amanah hendaklah memegang saham-saham atau pelaburan-pelaburan bagi pihak ahli Persatuan.

FASAL 11 JURUAUDIT

- 11.1 Dua orang yang bukannya pegawai Persatuan boleh dilantik dua tahun sekali di dalam Mesyuarat Tahunan Perwakilan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan tidak boleh dilantik semula.

- 8.7 a) Jika Presiden/ Setiausaha Agung/ Bendahari Agung meninggal dunia atau meletak jawatan, Naib Presiden/ Penolong Setiausaha Agung/ Penolong Bendahari Agung akan menjalankan tugas tersebut di samping tugas yang sedia ada sehingga Mesyuarat Tahunan Perwakilan diadakan. Jika beliau menolak untuk memenuhi kekosongan itu, ahli Jawatankuasa Pusat berhak melantik ahli berwibawa untuk menjalankan tugas tersebut sehingga Mesyuarat Tahunan Perwakilan diadakan.
- b) Jika Naib Presiden/ Penolong Setiausaha Agung/ Penolong Bendahari Agung/ ahli Jawatankuasa Pusat meninggal dunia atau meletak jawatan, calon kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Tahunan Perwakilan diadakan. Jika beliau menolak untuk memenuhi kekosongan itu, ahli Jawatankuasa Pusat berhak melantik ahli berwibawa untuk menjalankan tugas tersebut sehingga Mesyuarat Tahunan perwakilan diadakan.
- 8.8 Jawatankuasa Pusat boleh memberi perintah kepada Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan Persatuan. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Pusat atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- 9.1 Presiden, dalam tempoh memegang jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Perwakilan dan semua Mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan / minit mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.
- 9.2 Naib Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.
- 9.3 Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kerja Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Perwakilan dan Jawatankuasa Pusat. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Presiden dan Bendahari Agung.
- 9.4 Penolong Setiausaha Agung hendaklah menolong Setiausaha Agung menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung.

Tahunan Perwakilan yang berikutnya dan salinan boleh diperolehi untuk maklumat ahli di alamat tempat urusan Persatuan yang berdaftar dan dari pejabat tiap-tiap cawangan.

- 10.6 Tahun kewangan Persatuan ini bermula daripada 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.
- 10.7 Bendahari Agung hendaklah menyediakan satu anggaran belanjawan tahunan dan mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung. Belanjawan tersebut boleh disemak semula dari semasa ke semasa dengan dipersetujui oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat.
- 10.8 Semua harta Persatuan hendaklah dimiliki bersama atas nama Pemegang-pemegang Amanah. Wang Persatuan yang tidak dikehendaki untuk urusan harian Persatuan boleh digunakan bagi tujuan-tujuan berikut :-
 - a) Membeli dan memajak sebarang tanah atau bangunan untuk kegunaan Persatuan. Tanah atau bangunan ini tertakluk kepada satu undang-undang bertulis atau undang-undang lain yang boleh dipakai, dipajak atau dengan persetujuan ahli Persatuan yang diperolehi melalui usul yang dibawa dalam Mesyuarat Agung Tahunan boleh dijual, ditukar atau digadai;
 - b) Melabur dalam amanah saham (securities) atau pinjaman kepada mana-mana syarikat mengikut undang-undang yang berkaitan dengan Pemegang Amanah;

- 10.2 Bendahari Agung dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM 1500.00 (Ringgit Malaysia : Seribu Lima Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan dalam tempoh tujuh hari ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat. Penyata bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
- 10.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden (atas ketiadaannya oleh Naib Presiden), Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Semasa ketiadaan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung, maka bolehlah Jawatankuasa Pusat melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menurunkan tandatangan.
- 10.4 Perbelanjaan yang kurang dari RM 20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja) boleh diluluskan oleh Presiden, Bendahari dan Setiausaha Agung. Perbelanjaan yang melebihi RM 20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja) dalam satu masa hendaklah mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pusat dengan had maksimum perbelanjaan RM 100,000.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Ribu Sahaja).
- 10.5 Penyata kewangan yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Agung dan diperiksa oleh juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat

- 9.5 Bendahari Agung adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Ia hendaklah menyimpan akaun bagi semua urusan kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha Agung.
- 9.6 Penolong Bendahari Agung hendaklah menolong Bendahari Agung menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari Agung.
- 9.7 Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa Pusat menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.
- 9.8 Ahli-ahli Persatuan hendaklah menjelaskan yuran keahlian mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 9.9 Ahli-ahli Persatuan hendaklah hadir mesyuarat dan menyokong semua aktiviti yang dijalankan demi kemajuan Persatuan.

FASAL 10 KEWANGAN

- 10.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini, wang Persatuan boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji dan upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.